

Kesepaduan jamin kejayaan Melayu

Sokongan bulat kepada Presiden adaian teras kekuatan parti



Oleh Azman Zakaria

PENCAPAIAN orang Melayu sudah pada tahap yang boleh dibanggakan kecuali dalam beberapa bidang saja. Kita tidak harus berpuas hati kerana kita belum berjaya sepenuhnya.

"Mengapa kita belum berjaya? Yang salah kita, bukan orang lain," kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam ketika memulakan bicara mengenai kedudukan Melayu di negara ini sekarang.

Justeru, katanya pembahas mesti menggunakan sebaik-baik peluang pada Perhimpunan Agung Umno, yang bermula Isnin ini dalam membincangkan agenda Melayu dengan mengutarakan kelemahan yang dikenal pasti dan bersama pemimpin dan perwakilan lain mencari penyelesaian memperbaiki keadaan.

"Ia boleh diperbaiki sebab kuasa di tangan kita, pentadbir pun kita, pelaksana pun kita. Ia perlu digunakan sebaik mungkin untuk memajukan bangsa," katanya dalam temu bual, baru-baru ini.

Agenda Melayu yang diperjuangkan adalah bagaimana merubah nasib bangsa untuk maju pada tahap yang lebih pantas, antaranya melalui tindakan memperkasakan politik, ekonomi, pendidikan dan pencapaian golongan profesional muda Melayu.

Begitupun untuk memungkinkan semua itu dilaksanakan secara tersusun, berkesan dan berterusan, perkara utama yang perlu ada adalah kesepaduan jitu ahlinya yang kini sudah mencecah angka 3.2 juta orang.

Kesepaduan ahli diuji lagi ketika Umno berdepan situasi kritikan terhadap teraju kepemimpinannya. Perpaduan ahli seperti yang dibuktikan beberapa kali sebelum ini, adalah azimat penting bagi menjamin kekukuhan politik bagi mencapai apa yang dihasratkan.

"Sokongan bulat kepada Presiden adalah teras kekuatan Umno dan politik Melayu... sentiasa bersama ketua ketika senang dan pada saat getir," kata beliau yang juga Ketua Menteri Melaka.

Bermula daripada kekuatan yang dibentuk, maka isu atau masalah dapat diatasi dan usaha memartabatkan bangsa, agama dan tanah air akan lebih mudah digerak.

Kebimbangan yang disuarakan berkaitan konsep bangsa Malaysia sudah dijelaskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menyatakan ia konsep umum tanpa memerlukan takrifan terperinci atau pindaan Perlembagaan Persekutuan.

"Itu tidak dipinda selagi kuat politik kita, tapi kalau politik lemah, apa yang ada pada kita akan terhakis.

"Oleh itu apa yang ada pada politik Melayu mesti dipertahankan dengan sentiasa dominan dalam kerajaan," katanya.

Mohd Ali mengingatkan parti mesti sentiasa kukuh dalam menghadapi setiap pilihan raya umum untuk memastikan agen-

da Melayu sentiasa diperjuangkan. Jika tidak, pembangkang akan cuba mengambil setiap kesempatan yang ada.

Persoalan orang Melayu dipinggirkan dalam arus kemajuan di kawasan pembangunan pesat dan ketidakseimbangan penduduk seperti dakwaan Pemuda Umno pada persidangan perwakilan peringkat bahagian Pulau Pinang, menuntut tindakan positif merungkai permasalahan berkenaan.

Pembangunan seimbang antara kawasan juga membawa pengertian nikmat kemajuan turut dirasai sama masyarakat Melayu di kawasan bandar.

Dalam beberapa perkara, kuasa tertentu dimiliki Ketua Menteri atau Menteri Besar dalam membuat keputusan. Jawatan sebagai pengerusi dalam jawatankuasa tertentu boleh membantu.

Mohd Ali berkata, penubuhan jawatankuasa yang dipengerusikan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan berusaha menyelesaikannya bersama Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon adalah pendekatan terpuji.

"Saya sendiri dalam menentukan Melayu Melaka Maju 2020, pada masa yang sama menilai prestasi kaum lain... di kala semakin sedikit Melayu dan Cina yang miskin di Melaka, didapati ramai pula orang India yang miskin.

"Saya sudah meminta laporan daripada Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk R Raghavan dan dimaklumkan ia kerana ramai yang bekerja di ladang getah tidak diberi kenaikan gaji walaupun harga getah meningkat. Saya akan bertemu pemilik estet," katanya.

Pemilikan ekuiti Melayu seharusnya su-

"Parti mesti sentiasa kukuh dalam menghadapi setiap pilihan raya umum untuk memastikan agenda Melayu sentiasa diperjuangkan. Jika tidak, pembangkang akan mengambil kesempatan"

Mohd Ali Rustam
Naib Presiden Umno

dah lama mencapai sasaran 30 peratus, seperti yang dihasratkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dulu. Tapi ia masih jauh daripada sasaran.

Bilangan siswazah yang lahir daripada sistem pendidikan juga bertambah. Tapi bilangan itu tidak seiring dengan peluang pekerjaan yang ada sehingga membawa kepada masalah pengangguran di kalangan siswazah.

Katanya, paling ramai kakitangan awam yang boleh diambil oleh kerajaan adalah sejuta orang. "Oleh itu siswazah

mesti juga mempersiapkan diri dan dengan mentaliti baru untuk sama ada bekerja di sektor swasta atau bekerja sendiri," katanya.

Isu jati diri Melayu juga bakal menjadi antara isu yang dirasakan akan diketengahkan pembahas kerana ia berkaitan martabat bangsa dan kesucian agama.

Lantaran dulu ada pihak cuba meraih sokongan dalam usaha mereka memper-tikaikan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Perkara itu menghalang mahkamah sivil mencampuri bidang kuasa mahkamah syariah.

Isu penyebaran khabar angin melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan yang terbaru kononnya sekumpulan umat Islam akan murtad dan masuk Kristian boleh menimbulkan rasa gelisah dan kurang senang di kalangan orang Islam.

"Ini tidak boleh diterima sebab jati diri orang Melayu mesti beragama Islam. Budaya kita di Malaysia, kaitkan orang Melayu dengan Islam, siapa yang nak ubah ditentang," katanya.

Perhimpunan Agung Umno membawa harapan bangsa. Ia pentas memperkukuhkan lagi perpaduan, meluahkan perasaan, memberi ingatan, mengemukakan cadangan dan merumus tindakan.

Namun, yang menentukan kejayaan adalah pelaksanaan kepada setiap rancangan yang dicetuskan daripada perhimpunan agung itu.

Andai pelaksanaannya tidak seperti diharapkan, tiada pihak lain boleh diper-salahkan kerana seperti kata Mohd Ali: "kuasa di tangan kita, pentadbir pun kita, pelaksana pun kita."